



# Kepentingan Mengutamakan Dasar Perlindungan Dagangan

**B**anyak yang berkeyakinan bahawa sistem perdagangan bebas atau liberal ialah sistem terbaik bagi semua negara. Secara dasarnya, sistem ini menawarkan banyak faedah berbanding dengan sistem ekonomi yang lain. Sistem ini berasaskan penghapusan sekatan atau pengurangan halangan terhadap perdagangan antarabangsa, termasuklah dalam jual beli, import dan eksport antara dua atau lebih negara. Sekatan yang dimaksudkan merangkumi tarif seperti cukai dan duti, serta mekanisme bukan tarif seperti peraturan perlesenan, kuota dan subsidi. Tujuannya adalah untuk menggalakkan perdagangan yang lebih aktif, seterusnya mengurangkan kos akibat tarif dan mekanisme bukan tarif. Dengan pengurangan kos, harga barangan pengguna dijangka lebih rendah dan persaingan terbuka antara firma dalam negara terlibat meningkatkan kecekapan pengeluaran serta kualiti produk.

Namun begitu, sistem ini sering diujahkan oleh beberapa pakar kerana bersifat lebih menguntungkan negara kaya sahaja. Dalam pasaran terbuka, persaingan berlaku antara firma besar dari negara kaya dengan firma kecil yang masih baharu beroperasi di negara membangun atau miskin. Persaingan seperti ini bukanlah persaingan sempurna seperti yang digambarkan dalam hukum ekonomi, tetapi lebih kepada "misi bunuh diri" bagi negara miskin.

Pakar ekonomi seperti Ha-Joon Chang mengemukakan analogi untuk menggambarkan ketidakadilan dalam persaingan ini. Misalnya, beliau menyamakan pertarungan tersebut dengan pertarungan antara peninju kelas ringan melawan peninju kelas berat, atau persaingan

antara firma negara kaya yang memiliki senjata canggih seperti mesin penembak, sedangkan firma negara miskin hanya memiliki pedang tajam. Pandangan ini senada dengan tokoh ekonomi terkenal lain seperti Joseph Stiglitz dan Dani Rodrik yang turut menyuarakan kebimbangan terhadap ketidakseimbangan dalam persaingan pasaran bebas ini.

Hampir kesemua buku teks ekonomi menggunakan model pasaran bebas sebagai asas utama dalam memahami ekonomi moden. Memang benar, model monopoli, duopoli dan oligopoli turut dibincangkan, malah model monopsoni juga ada disentuh. Namun begitu, kesemua model ini dibincangkan dalam konteks untuk memahami Model Persaingan Sempurna

(Perfect Competition Model), yang inti patinya utamanya ialah sistem dagangan bebas.

Tidak dinafikan bahawa sistem dagangan bebas membawa banyak kelebihan. Namun demikian, dasar perdagangan terbuka menyebabkan persaingan dilihat seperti berat sebelah antara pengeluar asing dengan firma tempatan, mengakibatkan industri tempatan sukar untuk bersaing. Kebanjiran barangan import daripada sistem dagangan bebas ini menyebabkan industri tempatan "bernafas dalam lumpur" dan tidak mampu untuk bersaing, terutamanya dalam barangan yang memerlukan teknologi tinggi. Perkara ini tidak termasuk masalah kewangan, ketidakseimbangan mata wang antarabangsa, serta isu sosial seperti pengangguran. Sistem pasaran yang tidak mengutamakan alam sekitar juga menambah lagi kesan buruk kerana lebih menekankan keuntungan yang tinggi dengan kos yang rendah.

Oleh itu, negara membangun digesa untuk mengamalkan dasar perlindungan dagangan (trade protectionism). Dalam sistem ini, perdagangan bebas antarabangsa tetap diamalkan, tetapi dengan berhati-hati dan keutamaan diberikan kepada industri tempatan. Malaysia khususnya, berhadapan dengan cabaran politik yang melibatkan isu kelas, kaum dan kewilayahan yang berbeza tahap kemajuannya. Untuk memastikan industri tempatan dapat berkembang dengan baik, kawalan ketat terhadap sistem tarif, kuota, subsidi dan mekanisme perlindungan lain perlu dilaksanakan untuk mengelakkan produk import membanjiri pasaran domestik.

Walaupun persaingan yang sihat dapat memberikan insentif untuk memperbaiki kekuatan dalaman firma, persaingan antara firma besar dan kecil sering berakhir dengan kerugian kepada firma tempatan. Oleh itu, dasar perlindungan dagangan perlu dilaksanakan untuk memberikan peluang kepada industri tempatan berkembang sebelum mereka dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Namun begitu, pelaksanaan dasar ini mesti dilakukan secara berperingkat dan dengan pemilihan yang teliti.

Satu daripada cabaran dalam melaksanakan dasar perlindungan ialah risiko penyelewengan atau rasuah, terutamanya dalam menentukan firma yang akan dilindungi. Jika berlaku

**Sistem yang bersifat terlalu terbuka akan menyebabkan negara kita "mati katak" sebelum sempat bersaing pada peringkat antarabangsa, manakala sistem yang terlalu tertutup akan menyebabkan negara kita terasing dan dipulaukan.**

penyelewengan, pihak yang terlibat harus dihadapkan ke muka pengadilan. Amerika Syarikat, yang kini menggesa negara lain untuk mengamalkan perdagangan bebas, maju ke hadapan dengan mengamalkan dasar perlindungan dagangan selama beratus tahun. Sejak awal lagi, negara ini memberikan tumpuan kepada dasar perlindungan melalui polisi perindustrian yang disokong oleh kerajaan.

Pembuat dasar perlu memastikan bahawa masalah yang timbul daripada sistem perlindungan ini tidak berlarutan, seperti masalah teknologi yang ketinggalan atau pengabaian terhadap inovasi.

Oleh itu, kerjasama antara negara membangun dengan negara maju dalam aspek pemindahan teknologi amat penting untuk memastikan keberkesanan dasar perlindungan.

Walaupun dasar perlindungan dagangan akan menyekat pilihan pengguna tempatan, namun tetap penting untuk memastikan kelangsungan industri tempatan. Harga barangan import mungkin meningkat disebabkan oleh sekatan yang dikenakan, tetapi jika perdagangan bebas menyebabkan masalah kesihatan, pengetahuan, atau kepakaran penduduk tempatan terjejas, maka dasar perlindungan dagangan perlu disemak semula. Barangan penting seperti ubat-ubatan dan peranti komputer perlu diberikan perhatian dan dasar yang lebih terbuka mungkin diperlukan dalam hal ini.

Secara keseluruhannya, sistem yang ideal ialah sistem yang seimbang antara perdagangan bebas dengan perlindungan perdagangan. Sistem yang bersifat terlalu terbuka akan menyebabkan negara kita "mati katak" sebelum sempat bersaing pada peringkat antarabangsa, manakala sistem yang terlalu tertutup akan menyebabkan negara kita terasing dan dipulaukan. Korea Utara merupakan contoh negara yang mengamalkan dasar perlindungan perdagangan yang ekstrem, membawa kepada pengasingan ekonomi, politik dan budaya, yang akhirnya menjerumuskan negara itu ke dalam masalah yang lebih besar. <sup>100</sup>

**Dr. Makmor Tumin ialah pensyarah Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.**